

Awasi ikatan perpaduan

UM 27 JAN 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL
dan HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan bertindak tegas membendung sebarang kemungkinan yang boleh menggugat kepentingan rakyat dan negara termasuk yang dicetuskan oleh pihak yang dipengaruhi pandangan agama dan politik sempit.

Perdana Menteri berkata, ketegasan itu perlu kerana adalah berbahaya jika ikatan perpaduan yang selama ini menjadi kebanggaan rakyat tidak diawasi sebaik-baiknya.

Beliau mengingatkan rakyat agar tidak beranggapan bahawa perpaduan di negara ini telah mantap dan oleh itu tidak perlu lagi berusaha untuk mempertingkatkannya.

Toleran

Dalam menghadapi isu-isu yang boleh mengancam kestabilan negara, ketegasan sedemikian diperlukan untuk bertindak terhadap pihak-pihak terbabit, katanya pada majlis Mega Perpaduan 2002 di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini malam ini.

Sungguhpun begitu, katanya, ia tidak bermakna bahawa kerajaan tidak toleran atau tidak berpegang kepada prinsip demokrasi.

"Saya berasa sungguh sedih dengan tindakan pihak-pihak tertentu yang mengancam dan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap kerajaan.

"Mereka menghasut dan meracuni pemikiran rakyat supaya membenci kerajaan, mereka juga mengangap sesuatu

▶ Lihat muka 4

Awasi ikatan perpaduan

sesuatu insiden yang berlaku kononnya sandiwara kerajaan.

"Saya ingin tegaskan di sini bahawa kerajaan tidak akan bertolakansur dalam perkara-perkara yang melibatkan keselamatan dan kestabilan negara. Rakyat perlu sedar agar tidak mudah dipengaruhi oleh pandangan agama dan politik yang sempit seperti diamalkan oleh pihak-pihak tertentu," katanya.

Perasmian majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin, Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Turut hadir Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

Menurut Perdana Menteri lagi, rakyat perlu sedar sekiranya perpaduan rapuh dan mudah terjejas, ini akan menyukarkan lagi usaha kerajaan bersama rakyat untuk membangun dan memajukan negara.

"Oleh kerana suasana ekonomi negara pada masa sekarang tidak begitu memberangsangkan, maka kita perlu sedar bahawa keupayaan untuk keluar daripada kemelut ini sangat bergantung kepada sejauh mana kita sanggup bersatu, bekerjasama dan berusaha membangunkan negara bersama-sama.

"Dalam menghadapi situasi ini juga, kita perlulah ada kalanya melupakan soal-soal perbezaan yang ada. Insya-Allah, dengan adanya semangat seumpama ini, ekonomi negara akan menjadi lebih kukuh di samping

kesejahteraan rakyat dan anak-anak kita akan lebih terjamin," katanya.

Beliau turut menarik perhatian mengenai insiden pergaduhan di Jalan Klang Lama, awal tahun lalu yang amat mendukacitakan negara.

"Insiden ini serta beberapa lagi peristiwa yang menyentuh perpaduan yang berlaku kebelakangan ini memberi mesej penting kepada kita bahawa ikatan perpaduan yang kita bina selama ini, sekiranya tidak dijaga, boleh di mana-mana ketika, menjadi ibarat telur di hujung tanduk.

"Walaupun hanya berlaku salah faham yang kecil dan boleh diselesaikan dengan baik, masyarakat kadang-kadang mudah hilang pertimbangan dan akhirnya membiarkan perasaan dan emosi menguasai diri mereka.

"Saya berharap peristiwa ini dapat dijadikan pengajaran dan iktibar oleh semua pihak. Janganlah kita lupa bahawa perpaduan adalah teras kepada kestabilan dan kemakmuran negara," katanya.

Kemakmuran

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, rukun tetangga merupakan institusi sosial yang memainkan peranan penting untuk menjana semangat perpaduan di kalangan masyarakat.

Justeru, tegasnya, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perlu memperbanyakkan lagi penubuhan rukun tetangga di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya konflik.

Sempena sambutan Mega Perpadu-

an itu, Dr. Mahathir turut menyeru masyarakat agar melibatkan diri secara lebih aktif dalam program dan aktiviti yang dianjurkan.

"Marilah kita bersama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi persefahaman dan semangat perpaduan di antara kita. Tanpa perpaduan, negara kita tidak akan berupaya untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Jika ini berlaku, maka yang rugi adalah negara kita," kata Perdana Menteri.

Sementara itu sambutan Mega Perpaduan mengajak pelbagai kelompok masyarakat bergabung menjadi satu, dalam memastikan perpaduan negara sentiasa terpelihara.

Ia diharap menjadi satu aktiviti teras kepada Jabatan Perpaduan Negara dalam usaha meningkatkan perpaduan negara.

Antara objektif Mega Perpaduan ialah untuk mengingatkan rakyat tentang pentingnya perpaduan kaum dan integrasi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Kumpulan sasaran utama Mega Perpaduan ialah golongan muda dan kanak-kanak, yang bakal memimpin dan mencorakkan masa depan negara.

Turut menyertai sambutan itu ialah para pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kakitangan sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan pelbagai pertubuhan sukarela.

Sempena majlis tersebut, orang ramai turut dihiburkan dengan pertunjukan kebudayaan dan persembahan oleh beberapa artis tempatan.